

09 AUG 2001

Muhyiddin-meritokrasi

UMNO SERIUS TANGANI MASALAH PELAJAR BUMIPUTERA

NIBONG TEBAL, 9 Ogos (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti tempatan tanpa menghapuskan sistem kuota membuktikan bahawa Umno serius dalam menangani masalah kemerosotan pencapaian mereka.

Beliau berkata, kemerosotan pelajar Bumiputera dalam bidang pendidikan dan kegagalan mereka bersaing serta menguasai ilmu merupakan "tragedi malang kepada bangsa Melayu dan negara".

Tindakan kerajaan khususnya Umno untuk menangani masalah itu jelas membuktikan bahawa dasar Umno masih seperti dulu iaitu mempertahankan hak Melayu, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kelab Pengguna Gerakan Desa Wawasan Kampung Padang Lalang di sini.

Ketika diminta mengulas cadangan kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi secara berperingkat-peringkat dan pada masa yang sama mengekalkan sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti, Muhyiddin menyangkal dakwaan pembangkang kononnya Umno tidak lagi berpegang kepada janji asalnya untuk membela orang Melayu.

Beliau berkata penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai dasar meritokrasi amat bertepatan dan meminta semua pihak dalam Umno mengambil inisiatif untuk menjayakannya.

Bagaimanapun, katanya, inisiatif sebenar harus digerakkan oleh orang Melayu sendiri dan Umno akan mengepalai gerakan ini.

"Kalau kita nak mencapai kecemerlangan, segala perkara perlu dilihat secara holistik dan bukan berasingan," katanya.

-- BERNAMA

ZU MAI